

23 MAR 1996

SAH, NADZMI AKAN MENINGGALKAN PROTON

TANJONG MALIM, 23 Mac (Bernama) -- Khabar-khabar angin berkaitan perletakan jawatan Pengarah Urusan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) Datuk Mohd Nadzmi Salleh tamat, dengan pengesahan yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan perkara itu hari ini.

Perdana Menteri menyatakan beliau menerima permohonan Datuk Nadzmi untuk meninggalkan Proton, sejajar bagi menghormati hasratnya untuk menerokai bidang baru.

Beliau menyatakan perkara itu selepas ucapan perasmian pecah tanah kilang kedua Proton di sini hari ini.

"Walaupun berat hati saya untuk menerima perletakan jawatan itu, tetapi saya berpendapat dengan adanya Datuk Seri Yahya Ahamad dalam Hicom DRB kita tidak memerlukan dua "kaptan" yang cekap dalam satu kumpulan.

Terdahulu Pengerusi Hicom dan Proton Datuk Seri Yahya Ahmad berkata kilang kedua Proton yang terletak lebih kurang tiga kilometer dari Tanjung Malim itu, akan mengeluarkan kereta berkuasa 1,300 cc hingga 1,800 cc, untuk kegunaan dalam negeri dan pasaran eksport.

Kilang yang terletak dalam "bandaraya Proton" itu akan mengambil masa 10 hingga 12 tahun untuk disiapkan dan akan mengeluarkan kira-kira 150,000 unit kereta setahun, bagi fasa pertama.

Kilang tersebut dibina mengikut beberapa fasa, dan fasa pertama akan bermula tahun ini dan dijangka siap pada penghujung tahun 1998.

Yahya berkata pengeluaran kereta akan ditingkatkan kepada 250,000 unit setahun, bagi fasa kedua menjelang tahun 2,000. Bagaimanapun keupayaan kilang itu boleh ditingkatkan kepada 500,000 unit setahun apabila diperlukan kelak.

Beliau menambah kata, menjelang tahun 2,000 eksport Proton akan ditingkatkan ke paras 30 peratus berbanding 18 peratus sekarang.

Bandaraya Proton merupakan sebuah projek bandaraya automotif pertama seumpamanya di rantau ini dan ianya akan menjadi mercu tanda pencapaian Wawasan 2020. -- Bernama

AD RIF